

FALSAFAH PELESENAN

KEWAJIPAN melesenkan sesuatu aktiviti perniagaan adalah tanggungjawab individu yang menjalankan atau yang hendak menjalankan perniagaan tersebut.

DEFINISI

Lesen Berniaga bermaksud lesen yang dikeluarkan di bawah Ordinan Perlesenan Perniagaan 1948 (Sabah Cap. 144).

Lesen Hiburan Awam bermaksud lesen yang dikeluarkan di bawah *Public Entertainment Ordinance 1958* dan peraturan-peraturan yang dibuat dibawahnya.

Lesen Majlis dikenali juga sebagai **Lesen Operasi** adalah lesen yang dikeluarkan di bawah mana-mana Undang-Undang Kecil Majlis Perbandaran Sandakan, dan termasuklah Permit tetapi tidak termasuk Permit Gerai Pasar Awam.

Permit Sementara bermaksud apa-apa kebenaran atau kelulusan yang dikeluarkan oleh Majlis Perbandaran Sandakan untuk menjalankan sesuatu aktiviti perniagaan secara sementara. dan/atau kecil-kecilan.

SIAPA YANG BOLEH MEMOHON LESEN BERNIAGA?

- **MANA-MANA INDIVIDU** – Warganegara Malaysia rakyat Negeri Sabah yang berumur 18 tahun dan ke atas, kecuali bagi lesen Hiburan Awam, pemohon mestilah berumur tidak kurang daripada 21 tahun pada tarikh permohonan dikemukakan.
- **MANA-MANA PERBADANAN** – Yang berdaftar di bawah mana-mana Undang-Undang bertulis yang diwartakan oleh Kerajaan Persekutuan Malaysia, atau Kerajaan Negeri Sabah.

SYARAT UTAMA

Mana-mana Individu/ Rakan Kongsi/ Direktor/ Syarikat hendaklah membayar apa-apa tunggakan hutang samada dalam cukai pintu/ lesen operasi atau apa-apa hutang dengan Majlis Perbandaran Sandakan sehingga tahun semasa sebelum lesen dapat diluluskan.

SYARAT-SYARAT AM

Permohonan lesen milik tunggal/ individu (*sole-proprietor*) dan/ atau firma perkongsian biasa (*partnership*)

1. Permohonan lesen perniagaan milikan tunggal iaitu perniagaan milik individu, dan/atau firma perkongsian biasa mestilah disertakan dengan dokumen-dokumen sokongan am berikut:-
 - Salinan kad pengenalan semua pemohon, yang telah disahkan oleh
 - ✓ Pegawai Jabatan Pendaftaran Negara, atau
 - ✓ Pegawai Kerajaan Kumpulan A (Kumpulan Pengurusan dan Profesional) sahaja.
 - Salinan surat perjanjian menyewa premis, atau kebenaran menggunakan premis untuk menjalankan perniagaan yang hendak dilesenkan.
 - Salinan dokumen-dokumen prasyarat khusus yang ditetapkan bagi sesuatu kod aktiviti.

Permohonan lesen oleh firma Perkongsian Liabiliti Terhad (PLT)

1. Permohonan lesen perniagaan oleh firma Perkongsian Liabiliti Terhad (PLT) mestilah disertakan dengan dokumen-dokumen sokongan am berikut:-
 - Mematuhi syarat-syarat am seperti lesen milik tunggal/individu (*sole-proprietor*) dan/atau firma perkongsian biasa (*partnership*).
 - Mematuhi syarat-syarat am tambahan yang berikut:-
 - ✓ Salinan Sijil Penubuhan PLT yang disahkan oleh Setiausaha Syarikat; dan
 - ✓ Salinan Tauliah atau Sijil Perakuan Pengamal Profesion yang masih sah, dan disahkan benar oleh Pegawai Kerajaan Kumpulan A (Kumpulan Pengurusan dan Profesional) sahaja.

Permohonan lesen milik perbadanan

1. Permohonan lesen oleh sesuatu perbadanan mestilah disertakan dengan dokumen-dokumen sokongan am berikut:-
 - Mematuhi syarat-syarat am seperti lesen milik tunggal/individu (*sole-proprietor*) dan/atau firma perkongsian biasa.
 - Salinan dokumen perbadanan berkenaan, rujuk **Jadual 1**.
 - Salinan Surat Lantikan Pengurus. Surat Lantikan Pengurus tidak diperlukan jika pengurus adalah salah seorang Ahli Lembaga Pengarah yang disenarai dalam Borang 49 atau Seksyen 14/ 58.
 - Salinan kad pengenalan pengurus, yang telah disahkan oleh-
 - ✓ Pegawai Jabatan Pendaftaran Negara, atau
 - ✓ Pegawai Kerajaan Kumpulan A (Kumpulan Pengurusan dan Profesional) sahaja.
 - Salinan Pas Kerja Pengurus, jika pengurus bukan Sabahan, yang menyatakan dengan jelas bahawa penama dibenarkan masuk ke Sabah untuk bekerja sebagai Pengurus di outlet perniagaan perbadanan berkenaan.

JADUAL 1: Dokumen Perbadanan Yang Diperlukan Untuk Memohon Lesen

BIL	JENIS PERBADANAN ENTITI	DOKUMEN SALINAN DIPERLUKAN	CATATAN
1.	Perbadanan di bawah Akta Syarikat 1961	<ol style="list-style-type: none"> 1. Borang 9/ Seksyen 17 2. Borang 13 (jika berkenaan)/ Seksyen 28 3. Borang 24/ Seksyen 14 4. Borang 44/ Seksyen 14 5. Borang 49/ Seksyen 58 6. Memorandum & Article of Ascociation (MA&A) - MUKA SURAT YANG MENYATAKAN OBJEKTIF SYARIKAT/ Seksyen 14 	mesti disahkan oleh Setiausaha Syarikat
2.	Perbadanan di bawah Akta Koperasi	<ol style="list-style-type: none"> 1. Sijil Pemerbadanan Koperasi 2. Minit Mesyuarat Agung/ALK yang meluluskan pembukaan outlet perniagaan yang hendak dilesenkan dan meluluskan pelantikan pengurus bagi perniagaan yang hendak dilesenkan itu. 3. Cabutan Undang-Undang Kecil yang membenarkan Perbadanan menceburi bidang perniagaan yang hendak dilesenkan 	mesti disahkan oleh Pegawai, Pejabat Suruhanjaya Koperasi Malaysia
3.	Perbadanan di bawah Akta Pendaftaran Pertubuhan 1966	<ol style="list-style-type: none"> 1. Sijil Penubuhan persatuan/ kelab 2. Minit Mesyuarat Agung/AJK yang meluluskan pembukaan outlet perniagaan yang hendak dilesenkan 3. Cabutan Undang-Undang Kecil yang membenarkan Pertubuhan/Kelab menceburi bidang perniagaan yang hendak dilesenkan 	mesti disahkan oleh Pegawai Kerajaan Gred 41 ke atas, ATAU Pesuruhjaya Sumpah
4.	Badan Berkanun	<ol style="list-style-type: none"> 1. Muka depan akta atau enakmen atau ordinar yang memperbadankan Badan Berkanun berkenaan 2. Cabutan peruntukan akta atau enakmen atau ordinar yang menunjukkan Badan Berkanun berkenaan boleh menceburi bidang perniagaan yang hendak dilesenkan 	mesti disahkan oleh Pegawai Berkuasa Daerah bagi Badan Berkanun berkenaan

PENGEMUKAAN PERMOHONAN LESEN BERNIAGA

PENIAGA/ PEMOHON hendaklah mengemukakan permohonan dengan menyertakan borang MPS.LB01 bersama dengan semua dokumen yang berkaitan dan yang diperlukan bagi sesuatu aktiviti perniagaan yang dijalankan atau hendak dijalankan olehnya.

Sesuatu permohonan boleh dikemukakan sama ada:-

1. Di Kaunter Pelesenan, Tingkat Bawah, Wisma Warisan, Sandakan; **ATAU**
2. Secara atas talian di <http://www.mps.sabah.gov.my/> => E Perkhidmatan => Lesen Berniaga

NOTA:

- Jika permohonan dibuat secara atas talian (*online*), semua dokumen sokongan yang diperlukan mestilah dikemukakan ke Kaunter Pelesenan dalam tempoh 14 hari.
- Sekiranya dokumen-dokumen sokongan bagi permohonan yang dikemukakan secara atas talian tidak diperolehi selepas 14 hari bekerja, permohonan berkenaan akan dipadamkan daripada sistem, dan pemohon perlu mengemukakan semula permohonannya.

Disediakan oleh:

Jabatan Pelesenan
Majlis Perbandaran Sandakan
30 November 2020